JOHAN INTERNATIONAL LTD HONG KONG

lwn.

SOLARTECH SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN MUHAMAD H
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: D8-28-619-2000]
21 NOVEMBER 2001

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Petisyen - Kegagalan syarikat membayar hutang penghakiman - Sama ada pempetisyen sebagai pemegang serahhak hutang penghakiman boleh menuntut hutang tersebut - Sama ada perintah persetujuan yang membawa kepada hutang penghakiman adalah sah - Sama ada penyerahanhak penghakiman adalah salah di sisi undang-undang - Sama ada notis s. 218(2)(a) di bawah Akta Syarikat 1965 patut memberikan syarikat opsyen untuk 'secure' atau kompaun hutang - Sama ada syarikat boleh dianggap tidak berkemampuan untuk membayar hutang*

Ini adalah suatu permohonan pempetisyen bagi suatu perintah penggulungan terhadap responden-responden di dalam dua kes yang berkaitan atas alasan mereka tidak mematuhi notis s. 218 Akta Syarikat 1965 yang telah dikeluarkan terhadap mereka. Notis s. 218 tersebut menuntut responden-responden membayar hutang sebanyak RM700,000 yang terbit daripada suatu Perintah Persetujuan bertarikh 5 June 1998. Perintah Persetujuan tersebut telah direkodkan bagi faedah satu Solarhart Industries Pty Ltd ('Solarhart') dan Solarhart pula telah menyerahhak semua hak dan kepentingannya kepada pempetisyen menurut suatu Deed Penyelesaian.

Responden-responden menentang petisyen penggulungan atas alasan bahawa: (1) Perintah Persetujuan yang direkodkan berikutan tindakan Solarhart terhadap responden-responden di dalam guaman sibil D6-22-653-97 adalah tidak sah oleh kerana pempetisyen bukan pihak kepada Perintah Persetujuan tersebut dan juga Solarhart telah menyerahhak semua hak dan kepentingannya kepada pempetisyen sebelum Perintah Persetujuan tersebut dimasukkan. Kes *Nouvau Mont Dor (M) Sdn Bhd & Faber Development Sdn Bhd* dirujukkan di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa satu pihak yang telah menyerahhak secara mutlak, tidak mempunyai hak untuk memulakan tindakan atas namanya sendiri sebagai penyerahhak; (2) penyerahanhak penghakiman adalah berbeza daripada penyerahanhak hutang penghakiman "assignment of a judgment debt" dan ianya adalah salah di sisi undang-undang; dan (3) notis s. 218(2)(a) yang dikeluarkan oleh pempetisyen adalah tidak sah kerana notis tersebut tidak memberikan responden-responden opsyen sama ada untuk 'secure' atau kompaun hutang mereka. Kes *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd* dirujuk untuk menyokong penghujahan tersebut.

Diputuskan:

[1] Kes *Nouvau Mont Dor (M) Sdn Bhd & Faber Development Sdn Bhd* tidak boleh diaplikasikan begitu sahaja ke dalam kes ini kerana kedudukan kes tersebut dan kes ini amatlah berbeza dari segi fakta dan juga kedudukan pihak-pihak. Di dalam guaman sibil D6-22-653-97, tindakan telah pun dimulakan pada awalnya oleh Solarhart terhadap keempat-empat defendan dalam guaman tersebut. Lebih lagi, pempetisyen adalah syarikat induk Solarhart. (ms 580 f-g & 581 a)

[2] Perintah Persetujuan yang direkodkan merupakan salah satu terma asas Deed Penyelesaian yang ditandatangani oleh semua pihak-pihak termasuk pempetisyen dan responden-responden. Kedua-duanya berkaitan dan bergantungan di antara satu sama lain dan tidak boleh dibaca secara berasingan dan bersendirian. (ms 582 e-f)

[3] Tidak dipertikaikan bahawa hutang penghakiman terhutang oleh kedua-dua responden kepada Solarhart dan pembayarannya mengikut Perintah Persetujuan adalah berdasarkan kepada terma-terma yang termaktub di dalam Deed Penyelesaian. Maka, apabila Solarhart menyerahkan segala hak dan kepentingannya menurut klausa 2.4.2 Deed Penyelesaian tersebut kepada pempetisyen, termasuklah sekali penyerahanhak untuk jumlah hutang tersebut. Jadi, adalah tidak benar jika dikatakan bahawa penyerahanhak itu adalah penyerahanhak penghakiman bertarikh 5 Jun 1998 semata-mata. Penyerahanhak di sini mestilah membawa maksud kepada semua hak dan kepentingan ke atas penghakiman yang dibuat melalui Perintah Persetujuan. (ms 582 h-i & 583 a-b)

[4] Mengenai penyerahanhak hutang penghakiman, kes *KAR Ramanathan Chetty & Tan Chen Hoo & Anor* memutuskan bahawa "assignment of a judgment debt is an equitable assignment of a legal chose in action". Yang menjadi persoalan adalah, adakah notis secara bertulis telah diberikan kepada penghutang menurut s. 4(3) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Di sini penyerahanhak dan Deed Penyelesaian telah dimasuki oleh semua pihak-pihak yang diwakili oleh peguam-peguam yang berkelayakan semasa Perintah Persetujuan tersebut direkodkan. (ms 583 c-d)

[5] Bukanlah hasrat s. 218 Akta Syarikat 1965 bagi sesuatu notis s. 218(2)(a) menyatakan opsyen apa yang patut diambil oleh responden-responden di dalam tempoh 21 hari selepas penyerahan notis tersebut. Seksyen 218(2)(a) jelas memperuntukkan bahawa notis statutory yang dikeluarkan hendaklah menghendaki penghutang membayar jumlah terhutang "to pay the sum so due". Kes *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd* perlu dibezakan kerana notis di dalam kes itu mengkehendaki bayaran dibuat "immediately" sedangkan di bawah s. 218 bayaran bolehlah dibuat di dalam tempoh 21 hari. (ms 583 g-h)

[6] Memandangkan notis s. 218(2)(a) tidak dipatuhi maka responden boleh dianggap tidak berkemampuan dan perintah penggulungan harus dibuat. (ms 584 a)

[Perintah penggulungan seperti dipohonkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
KAR Ramanathan Chetty v. Tan Chen Hoo & Anor [1934] Vol III MLJ 262 ***(dirujuk)***
Nouvau Mont Dor (M) Sdn Bhd & Faber Development Sdn Bhd [1985] 1 CLJ 56; [1985] CLJ (Rep) 231 ***(dibezakan)***
Re Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd [1990] 1 CLJ 495; [1990] 2 CLJ (Rep) 139 ***(dibezakan)***
Sri Hartamas Development v. MBf Finance Bhd [1992] 1 CLJ 637; [1992] 1 CLJ (Rep) 303 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 4(3)
Companies Act 1965, s. 218(2)(a)

Bagi pihak pempetisyen - T/n Shearn Delamore & Co
Bagi pihak responden - T/n Gunaseelan & Assoc

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhamad H:
Pada 19 April 2001 saya telah memberi perintah penggulungan seperti dipohon di Lampiran 1 bagi kes D8-28-619-2000 dan kes D8-28-620-2000 kerana kedua-dua kes adalah berkaitan dan pihak pempetisyen adalah sama hanya responden-responden sahaja dari dua syarikat yang berlainan nama tetapi fakta kes dalam kedua-dua kes tersebut adalah sama.

Latarbelakang kes adalah seperti berikut. Pempetisyen ialah Johan International Ltd Hong Kong sebuah syarikat yang diperbadankan di Hong Kong. Manakala responden ialah Solartech Sdn Bhd (Solartech) dan Strategic Technologies Sdn Bhd (Strategic) yang diperbadankan di Malaysia.

Pada 10 Mac 2001 pempetisyen telah mengeluarkan kepada syarikat-syarikat responden (syarikat responden) suatu notis menurut s. 218 Akta Syarikat 1965 menuntut syarikat responden dalam masa 21 hari dari tarikh penyerahan notis tersebut, membayar kepadanya hutang sebanyak RM700,000 yang terbit daripada suatu perintah persetujuan bertarikh 5 Jun 1998 yang telah direkodkan bagi faedah Solarhart Industries Pty. Ltd. (Solarhart). Solarhart, menurut suatu deed penyelesaian bertarikh 28 May 1998 telah menyerahhak akan kesemua hak dan kepentingannya kepada pempetisyen.

Syarikat responden telah mengabai serta gagal mematuhi notis tersebut. Justeru itu, pada 21 Julai 2000, pempetisyen telah mengemukakan petisyen-petisyen penggulungan ini di mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi menggulung responden-responden dan juga melantik Liquidator Provisional untuk mengurus responden atas alasan syarikat responden tidak berkeupayaan membayar hutangnya.

Syarikat responden walau bagaimanapun telah menentang petisyen-petisyen penggulungan ini dan memfailkan affidavit menentang petisyen. Di dalam affidavit syarikat responden yang diikrarkan oleh Chok Wai Kim yang merupakan pengarah syarikat responden telah menimbulkan alasan-alasan berikut bagi menentang petisyen.

i. Perintah persetujuan bertarikh 5 Jun 1998 adalah tidak sah.

ii. Penyerahanhak penghakiman ("assignment of judgment") adalah berbeza dari penyerahanhak hutang penghakiman "assignment of a judgment debt" dan ianya adalah salah di sisi undang-undang.

iii. Notis menurut s. 218 Akta Syarikat 1965 yang dikeluarkan oleh pempetisyen adalah tidak sah dan batal.

Perintah Persetujuan Bertarikh 5 Jun 1998 Adalah Tidak Sah

Adalah dihujahkan bagi pihak syarikat responden bahawa notis menurut s. 218 Akta Syarikat 1965 yang dikeluarkan oleh pempetisyen adalah berasaskan kepada suatu penghakiman persetujuan yang telah direkodkan di dalam Guaman Sibil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur D6-22-653-1997 di mana pihak-pihak yang terlibat adalah Solarhart Industries Pty Ltd yang merupakan plaintif dan ia telah menuntut terhadap empat defendan iaitu (i) Solartech Sdn. Bhd. (ii) Strategic Technologies Sdn. Bhd. (iii) Summer Sales and Services Sdn. Bhd. (iv) Summer Technologies Sdn. Bhd. dan pempetisyen bukanlah satu pihak di dalam guaman tersebut.

Pada 28 Mei 1998 sebelum penghakiman persetujuan itu direkodkan, suatu deed penyelesaian "deed of settlement" telah ditandatangani oleh Solarhart Industries dan pempetisyen bersama-sama dengan keempat-empat defendan di dalam guaman tersebut di mana adalah dipersetujui bahawa Solarhart secara keseluruhan "wholly" dan tidak boleh batal 'irrevocable" menyerahkan secara mutlak kesemua hak dan kepentingannya terhadap mana-mana wang yang termaktub di klausa 2.1 deed penyelesaian tersebut dan hak, kepentingan kepada mana-mana penghakiman yang direkodkan di dalam prosiding di Malaysia yang termaktub di "Annexure B" kepada pempetisyen.

Menurut peguam syarikat responden lagi, berdasarkan penyerahanhak yang telah ditandatangani pada 28 Mei 1998 terlebih dahulu, yang mana Solarhart telah menyerahkan semua hak dan kepentingannya kepada pempetisyen, maka pada masa itu (apabila penyerahanhak ditandatangani dan dilaksanakan) Solarhart telah hilang *locus standi* atau kapasitinya sebagai plaintif di dalam Guaman Sibil D6-22-653-1999 dan ia tidak lagi mempunyai apa-apa kausa tindakan terhadap defendan-defendan. Atas kedudukan itu, ia dikatakan tidak mempunyai kausa untuk merekodkan penghakiman persetujuan dengan defendan-defendan khasnya syarikat responden. Maka, adalah dihujahkan oleh peguam syarikat responden bahawa penghakiman persetujuan yang direkodkan tersebut adalah sesuatu yang tidak sah dan terbatal. Untuk hujahan itu, peguam syarikat responden telah merujuk mahkamah ini kepada satu kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Nouvau Mont Dor (M) Sdn Bhd & Faber Development Sdn Bhd* [1985] 1 CLJ 56; [1985] CLJ (Rep) 231. Telah diputuskan Mahkamah Persekutuan di dalam kes bahawa di dalam keadaan di mana satu pihak yang telah menyerahhak secara mutlak ia tidak lagi mempunyai hak untuk memulakan tindakan atas namanya sendiri sebagai assignor. Saya petik dalam bahasa asal penghakiman Mahkamah Persekutuan:

> the document in this case was absolute assignment not purporting to be by way of charge only within the meaning of Section 4(3) of the Civil Law Act and therefore the appellant was not competent to maintain the action when it was filed.

Dengan hormatnya saya tidak bersetuju dengan hujahan peguam syarikat responden bahawa memandangkan Solarhart telah menyerahkan secara mutlak hak dan kepentingannya kepada pempetisyen maka ia tidak lagi mempunyai kapasiti atau *locus standi* untuk merekodkan penghakiman persetujuan di dalam guaman sibil D6-22-653-1997. Bagi saya, kes *Nouvau Mont Dor (M) Sdn. Bhd* yang dirujuk oleh peguam syarikat responden tidak boleh diaplikasikan begitu sahaja ke dalam kes ini kerana kedudukan kes tersebut dan kes yang ada di hadapan mahkamah ini amatlah berbeza baik dari segi fakta dan juga kedudukan pihak-pihak.

Di dalam kes *Nouvau,* perayu telah diberi kemudahan pinjaman oleh Public Bank Bhd untuk membeli premis rumah kedai (premis itu) dan untuk itu beliau telah bersetuju untuk menyerahkan kepentingannya ke atas premis itu kepada Public Bank Bhd sementara pengeluaran title strata kepada bank. Responden telah membeli semua rumah kedai yang dibina oleh pemaju termasuklah unit yang dibeli oleh perayu. Perayu telah memfailkan tindakan terhadap responden, walaupun pada masa pemfailan tindakan itu penyerahanhak masih berkuatkuasa dan Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa sebagai “assignor” yang telah menyerahkan hak dan kepentingannya kepada bank, perayu tidak boleh memulakan tindakan atas namanya sendiri.

Ini adalah berbeza dengan apa yang berlaku di dalam Guaman Sibil D6-22-653-97 tersebut di mana pada awalnya tindakan telah dimulakan oleh Solarhart terhadap keempat-empat defendan. Perlu dinyatakan di sini bahawa pempetisyen adalah syarikat induk Solarhart.

Solarhart melalui perjanjian pengedaran ketiga telah memberi lesen pengedaran (distribution) eksklusif kepada Solartech dan Strategic untuk menjual dan mengedar barangan Solarhart. Wujud kemungkiran di dalam perjanjian pengedaran tersebut di pihak Solartech dan Strategic yang membawa kepada pemfailan saman oleh Solarhart terhadap mereka.

Walau bagaimanapun tindakan tersebut telah diselesaikan dengan penandatanganan suatu deed penyelesaian oleh kesemua pihak termasuklah pempetisyen dan syarikat responden-responden sendiri.

Saya merujuk kepada klausa (v) deed penyelesaian yang jelas menyatakan bahawa kesemua pihak berkeinginan untuk menyelesaikan kesemua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan perjanjian pengedaran ketiga dan berkeinginan untuk memberhentikan dan menamatkan kesemua prosiding di Australia dan Malaysia serta menyelesaikan pertikaian pihak-pihak.

Adalah menjadi salah satu asas deed penyelesaian tersebut bahawa suatu perintah persetujuan dimasuki dan dimeterai bagi guaman sibil D6-22-653-1997 seperti di dalam draf perintah persetujuan (Annexure B) yang mana ia telahpun direalisasikan dengan perekodan penghakiman persetujuan seperti yang dipersetujui di hadapan YA Hakim KL Rekhraj yang kemudiannya menjadi asas pengeluaran notis s. 218 oleh pempetisyen.

Adalah tidak dipertikaikan bahawa di dalam perenggan 1 perintah persetujuan telah dipersetujui dan diperintahkan bahawa penghakiman berjumlah RM1,000,000 dimasukkan terhadap kedua-dua syarikat responden (Solartech dan Strategic) secara bersesama dan berasingan. Manakala di permulaan perenggan akhir perintah persetujuan tersebut telah dengan jelas menyatakan bahawa kesemua pihak-pihak mempunyai kebebasan untuk melaksanakan perintah persetujuan dan kebebasan untuk melaksanakan dan deed penyelesaian dan perlaksanaan penghakiman (di dalam perenggan 1) yang dimasukkan terhadap kedua-dua responden (Solartech dan Strategic) bersesama dan berasingan. Manakala di perenggan akhir perintah persetujuan tersebut pula telah dinyatakan bahawa pihak-pihak mempunyai kebebasan untuk melaksanakan perintah persetujuan dan deed penyelesaian serta perlaksanaan penghakiman di dalam perenggan 1 yang dimasukkan terhadap kedua-dua syarikat responden adalah tertakluk kepada terma-terma deed penyelesaian.

Saya ingin menarik perhatian kepada apa yang dipersetujui oleh pihak-pihak di dalam deed penyelesaian bagi maksud perlaksanaan penghakiman yang telah direkodkan di dalam perintah persetujuan. Klausa 3.2 deed penyelesaian telah menyatakan bahawa Solarhart ataupun pempetisyen (Johan International) tidak akan melaksanakan pembayaran wang tersebut selagi cara pembayaran di klausa 2(ii) dipatuhi.

Klausa 2(i) dan (ii) deed penyelesaian telah memperuntukkan cara pembayaran wang RM1,000,000 di mana wang sebanyak RM300,000 akan dibayar oleh Roy Chok dan Rena Chan pada masa deed penyelesaian dilaksanakan, manakala yang selebihnya sebanyak RM700,000 akan dibayar oleh keduanya secara ansuran. Pembayaran secara ansuran jumlah ini oleh kedua-dua mereka (Roy Chok dan Rena Chan) adalah dijamin oleh kedua-dua syarikat responden. Pembayaran ansuran hendaklah dibayarmasuk ke dalam akaun pempetisyen. Perlu juga diingat selaras dengan klausa 2.4 deed penyelesaian itu, di mana Solarhart telah menyerahhak segala hak dan kepentingannya seperti tertera di klausa 2.4.1 dan 2.4.2 kepada pempetisyen, dan apabila keingkaran atau kemungkiran pembayaran oleh Roy Chok dan Rena Chan menurut klausa 2.1, maka dengan itu menurut klausa 3.1 deed penyelesaian dan perintah persetujuan seperti yang diterangkan awal tadi, maka liabiliti atau tanggungan membayar hutang itu akan terletak di bahu syarikat responden. Kini syarikat responden tidak boleh menafikan liabiliti hutang mereka kepada pempetisyen dengan menyatakan bahawa perintah persetujuan itu tidak sah, walhal perintah persetujuan yang direkodkan tersebut adalah menjadi salah satu asas kepada deed penyelesaian yang ditandatangani oleh kesemua pihak. Deed penyelesaian dan perintah persetujuan adalah berkaitan dan bergantungan di antara satu sama lain dan keduanya tidak boleh dibaca secara berasingan dan bersendirian.

Penyerahanhak Hutang Penghakiman Berbeza Dengan Penyerahanhak Penghakiman Dan Ianya Adalah Salah Di Sisi Undang-undang

Peguam syarikat responden telah menghujahkan bahawa penyerahanhak penghakiman di bawah klausa 2.4.2 deed penyelesaian adalah salah di sisi undang-undang. Menurutnya penghakiman *per se* tidak boleh diserahhak (assign) dan ini berbeza dengan penyerahanhak hutang penghakiman.

Hujahan ini bagi saya tidak bermerit dan tidak boleh diterima. Sepertimana yang diterangkan awal tadi perintah persetujuan yang telah direkodkan adalah merupakan salah satu terma asas deed penyelesaian dan adalah tidak dipertikaikan bahawa hutang penghakiman sebanyak RM1,000,000 adalah terhutang oleh kedua-dua responden kepada Solarhart dan pembayarannya menurut yang direkodkan di dalam perintah persetujuan adalah berdasarkan kepada terma-terma yang termaktub di dalam deed penyelesaian. Maka, apabila Solarhart menyerahkan segala hak dan kepentingan menurut klausa 2.4.2

termasuklah sekali penyerahanhak untuk jumlah hutang tersebut. Jadi, adalah tidak benar jika dikatakan bahawa penyerahanhak itu adalah penyerahanhak penghakiman bertarikh 5 Jun 1998 semata-mata. Penyerahanhak di sini mestilah membawa maksud kepada semua hak dan kepentingan (**right, title** and **interest**) ke atas penghakiman yang dibuat melalui perintah persetujuan, termasuklah penghakiman untuk wang sebanyak RM700,000 tersebut.

Mengenai penyerahanhak hutang penghakiman, saya ingin merujuk kepada kes yang dikemukakan oleh peguam pempetisyen iaitu kes *K.A.R. Ramanathan Chetty v. Tan Chen Hoo & Anor* [1934] Vol. 111 MLJ 262 di mana telah diputuskan bahawa "assignment of a judgment debt is an equitable assignment of a legal chose in action." Yang menjadi persoalan adalah, adakah notis secara bertulis telah diberikan kepada penghutang menurut s. 4(3) Civil Law Act 1956. Seperti yang dihujahkan oleh peguam pempetisyen, di sini penyerahanhak dan deed penyelesaian telah dimasuki oleh semua pihak dan pihak-pihak juga telah diwakili oleh peguam-peguam yang berkelayakan semasa perintah persetujuan tersebut direkodkan.

Notis Menurut s. 218 Yang Dikeluarkan Oleh Pempetisyen Adalah Tidak Sah

Adalah dihujahkan oleh peguam syarikat responden bahawa notis s. 218 yang dikeluarkan oleh pempetisyen adalah tidak sah kerana menurutnya s. 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bahawa dengan suatu tuntutan (demand) dan responden bolehlah membayar atau secure atau kompaun hutang tersebut. Notis s. 218 oleh pempetisyen tidak memberikan responden opsyen samada untuk secure atau kompaun hutangnya. Notis s. 218 pempetisyen dikatakan hanya menyatakan bahawa syarikat responden hendaklah membayar hutang tersebut dan kegagalan membayarnya akan dianggap tidak berkeupayaan untuk membayar hutang tersebut. Peguam syarikat responden telah merujuk kepada kes *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd* [1990] 1 CLJ 495; [1990] 2 CLJ (Rep) 139, yang telah memutuskan bahawa notis s. 218 mestilah mematuhi secara ketat kehendak-kehendak s. 218(2)(a). Pada hemat saya bukanlah menjadi hasrat s. 218 bagi sesuatu notis s. 218 menyatakan opsyen apa yang patut diambil oleh syarikat responden di dalam tempoh 21 hari selepas penyerahan notis tersebut. Saya bersetuju dengan hujahan peguam pempetisyen s. 218(2)(a) jelas memperuntukkan bahawa notis statutory yang dikeluarkan hendaklah mengkehendaki syarikat penghutang atau syarikat responden di dalam kes ini membayar jumlah terhutang "to pay the sum so due". Kes *Yap Kim Kee* perlu dibezakan kerana notis di dalam kes itu mengkehendaki bayaran dibuat 'immediately' sedangkan di bawah s. 218 bayaran bolehlah dibuat di dalam tempoh 21 hari.

a Memandangkan notis s. 218(2)(a) tidak dipatuhi maka responden boleh dianggap tidak berkemampuan dan perintah penggulungan harus dibuat (sila lihat *Sri Hartamas Development v. MBf Finance Berhad* [1992] 1 CLJ 637; [1992] 1 CLJ (Rep) 303).

b

c

d

e

f

g

h

i